

SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

ANIH BERHAD BAKAL MULA KERJA PROJEK PENGURUSAN BANJIR DI LPT1

KUALA LUMPUR, 27 SEPTEMBER 2022- ANIH Berhad, pengendali Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) akan memulakan kerja-kerja fasa satu projek pengurusan banjir (*flood mitigation*) di LPT1, 1 Oktober ini.

Menurut Pengurus Besar Kanan ANIH Berhad, Puan Radzimah Mohd Radzi, syarikat konsesi tersebut telah mengambil beberapa langkah penting bagi memastikan kelancaran projek, termasuklah menjalankan kajian banjir secara terperinci dan komprehensif di sepanjang LPT1 bagi mengenalpasti komponen tebatan banjir yang akan dilaksanakan demi mengurangkan risiko kejadian banjir dari berulang.

“ANIH Berhad sebelum ini telah bekerjasama dengan pelbagai agensi-agensi kerajaan di peringkat tempatan, negeri dan persekutuan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan termasuk menilai cabaran semasa bagi melengkapkan cadangan rekabentuk dan proses kerja projek tersebut”, tambah beliau lagi.

Antara kajian utama yang dilakukan dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) termasuklah semakan dan penilaian data kajian lampau berkaitan isu banjir, termasuk analisis dan penilaian hidrologi, hidraulik serta kajian kesesuaian tanah (*Soil Investigation*).

Keseluruhan projek pengurusan banjir ini dijangka akan mengambil masa selama dua tahun. Projek yang akan melibatkan 11 kawasan kritikal sepanjang Lebuhraya LPT1 ini, adalah sebahagian komitmen berterusan syarikat dan kerajaan bagi mempertingkatkan tahap keselesaan dan keselamatan para pengguna LPT1 terutamanya di musim tengkujuh.

Fasa pertama melibatkan jaringan di KM124 dan dijangka mengambil masa selama 12 bulan. Sehubungan itu, ANIH Berhad akan menutup laluan kecemasan arah ke Kuala Lumpur di lokasi selama enam bulan bermula dari Oktober 2022 sehingga April 2023. Manakala laluan kecemasan KM124 arah ke Kuantan pula akan ditutup bermula dari bulan Mei sehingga November 2023. Selain menutup laluan kecemasan, ANIH Berhad juga akan mengaktifkan laluan kontra di kawasan terbabit bagi memastikan impak lalulintas berada pada tahap minimum sepanjang tempoh tersebut. Para pengguna lebuhraya dinasihatkan supaya mematuhi papan tanda keselamatan sepanjang projek pengurusan banjir ini dijalankan.

“ANIH Berhad juga telah mengaktifkan semua saluran YouTube kami, ANIH TV bagi memastikan para pengguna sentiasa mendapat maklumat tepat dan terkini mengenai projek tersebut. Melalui segment ANIH Menjawab yang bakal disiarkan pada setiap hari Rabu bermula 12 Oktober nanti, para pengguna akan dimaklumkan tentang perkembangan terkini projek tersebut termasuk informasi laluan sementara sepanjang tempoh tersebut. Para pengguna dijemput untuk ‘like’ dan ‘subscribe’ saluran ANIH TV di <https://www.youtube.com/c/ANIHTV> bagi memastikan anda tidak ketinggalan mendapatkan notifikasi terkini”, kata Puan Radzimah.



Selain itu, para pengguna juga boleh mendapatkan informasi lanjut, tepat dan terkini, melalui laman sosial rasmi Lembaga Lebuhraya Malaysia/ANIH Berhad di Twitter @LLMTrafik @LPTTrafik dan Facebook @Lembaga Lebuhraya Malaysia @Lebuhraya Pantai Timur atau hubungi *hotline* LLM di 1800-88-7752 dan LPT - Line di 1-700-818-700.

-TAMAT-

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 234.5 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:

**Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan
Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6187 5055 Website : www.mtdgroup.com.my, www.anihberhad.com

ANIH BERHAD TO COMMENCE FLOOD MITIGATION PROJECT ON LPT1

KUALA LUMPUR, 27 SEPTEMBER 2022 – ANIH Berhad, the operator of the Kuala Lumpur-Karak Highway (KLK) and the East Coast Expressway Phase 1 (LPT1) is expected to start the phase one flood mitigation project on LPT1 from the 1st October.

According to the Senior Managing Director of ANIH Berhad, Puan Radzimah Mohd Radzi, the company has taken the necessary measures which include conducting a comprehensive detailed flood study along LPT1 and identifying flood mitigation components that can be implemented to control flooding incidents from recurring.

"ANIH Berhad has previously collaborated with various government agencies at the local, state and federal levels to obtain the necessary information including assessing the current challenges to complete the design proposal and evaluating of the project", she added.

Among the main studies carried out in collaboration with the Department of Irrigation and Drainage (JPS) includes reviewing previous data related to flood issues, including hydrological and hydraulic analysis and evaluation as well as soil suitability studies (Soil Investigation).

The entire flood management mitigation project which is expected to take two years and will involve 11 critical areas along the LPT1, is part of the company's and government's ongoing commitment to improve the level of comfort and safety for users, during the monsoon season.

The first phase will involve the stretch along KM124 which is expected to be completed in 12 months. ANIH Berhad will be closing the emergency lane to Kuala Lumpur at the location for six months beginning from October 2022 until April 2023. The emergency lane at Km 124 towards Kuantan will be closed from May until November 2023. In addition to closing the emergency routes, ANIH Berhad will also activate contra flow in the area as and when needed to ensure traffic impact is at a minimum level throughout the period. Highway users are advised to obey safety signs throughout the duration of this flood management project.

"ANIH Berhad has activated our YouTube channel, ANIH TV to ensure users will be updated regularly about the project. Users can gain accurate information on the project via the *ANIH Menjawab* segment beginning October 12. Users are also invited to like and subscribe to ANIH TV on YouTube at <https://www.youtube.com/c/ANIHTV> to ensure you don't miss out on the latest updates", she added.

Accurate and up-to-date information can also be obtained via Malaysia Highway Authority (LLM)/ANIH Berhad's official social media pages on Twitter @LLMTrafik @LPTTrafik and Facebook @Lembaga Lebuhraya Malaysia @Lebuhraya Pantai Timur or call the LLM hotline at 1800-88-7752 and LPT-Line at 1-700-818-700.

-END-



About ANIH Berhad

Anih Berhad is the concessionaire holder of the East Coast Highway (LPT) which encompasses 234.5 KM highway including components of the Kuala Lumpur-Karak Highway (KLK) and East Coast Highway Phase 1 (LPT 1). Beginning from Gombak at KM 19.2 Klang Valley to Jabor at KM 250 Terengganu, LPT shortens travel time, from Klang Valley to the main cities on the East Coast, especially Kuantan. Toll operations and the implementation of ANIH Berhad highway networks are managed by the MTD Group.

Media Statement issued on behalf of ANIH Berhad by:

Group Corporate Communications Department

MTD Group

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6187 5055 Website : www.mtdgroup.com.my,
aninhberhad.com.my

ANIH 有限公司将在 LPT1 启动洪水管理项目

吉隆坡，2022 年 9 月 27 日 -东海岸大道（LPT1）及吉隆坡加叻大道（KLK）的特许经营公司 ANIH 有限公司将于 10 月 1 日在 LPT1 开始第一阶段的洪水缓解项目。

ANIH 有限公司高级总经理拉芝玛莫哈末拉兹表明，该公司已采取措施，其中包括在整个 LPT1 中进行全面详细的洪水研究，并确保可以实施洪水缓解组件，以控制洪水事件再次发生。

“ANIH 有限公司曾与各政府机构合作，以获取必要的信息，包括评估当前完成项目拟议设计和工作流程的挑战，”她补充。

该公司也与灌溉和排水部（JPS）合作进行主要研究，包括审查和评估过去关于洪水问题的数据，包括水文和水力分析和评估以及土壤适宜性研究（土壤调查）。

整个洪水管理项目预计耗时两年。该项目将涉及 LPT1 公路沿线的 11 个关键区域，是该公司和政府持续致力于提高 LPT1 道路使用者的舒适度和安全水平的一部分，尤其是在季风季节。

第一阶段涉及 124 公里，预计需要 12 个月。ANIH 有限公司将从 2022 年 10 月至 2023 年 4 月在该地点关闭通往吉隆坡的紧急车道，为期六个月。而通往关丹第 124 公里的紧急车道将从 2023 年 5 月至 11 月关闭。除了关闭紧急车道外，ANIH 有限公司还将重启该路线的逆向车道措施，以降低在此期间对交通的影响。因此，建议道路使用者在洪水管理项目期间遵守安全标志。

“ANIH 还激活了我们的 YouTube 频道 ANIH TV，以确保大家始终获得有关该项目的准确和最新信息。从 10 月 12 日起每周三将播出 ANIH Menjawab 栏目，供道路使用者了解项目的最新进展，包括期间的临时路线信息。呼吁使用者在 <https://www.youtube.com/c/ANIHTV> 上点击“喜欢”和“订阅” ANIH TV 频道，勿错过最新通知”，她补充说。

此外，道路使用者还可以通过 Lembaga Lebuhraya Malaysia/ANIH Berhad 在 Twitter @LLMTrafik @LPTTrafik 和 Facebook @Lembaga Lebuhraya Malaysia @Lebuhraya Pantai Timur 的官方社交页面获取更多详尽消息，信息或致电 LLM 热线 1800-88-7752 和 LPT - 热线 1-700-818-700。

-完-



关于 ANIH 有限公司

ANIH 有限公司 是东海岸高速公路 (LPT) 的特许经营商，该高速公路是由吉隆坡-加叻高速公路 (KLK) 和东海岸高速公路 (LPT 1) 组成的，全长 243.5 公里 (KM)。从 KM 19.2 Klang Valley 的 Gombak 到 KM 250 Terengganu 的 Jabor, LPT 缩短了从巴生谷到东海岸主要城市，尤其关丹的旅行时间。ANIH Berhad 高速公路网的收费运营和维护由 MTD 集团管理。

ANIH 有限公司代表发表媒体声明：

集团企业传讯部

MTD Group

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6187 5055 Website : www.mtdgroup.com.my, www.anihberhad.com